



Dr Sarjit Dilantik Felo ADJUNG IPPBM dan Ahli IIM



Dr. Sarjit Singh Darshan Gill

SERDANG, 8 Jan – Aktivis sosial dan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Darshan Singh Gill telah dilantik sebagai Felo Adjung di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) dan Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM) baru-baru ini.

Beliau dilantik IPPBM berkuatkuasa 1 November 2008 selama setahun oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) dan sebagai ahli IIM selama dua tahun bermula 1 Januari lalu.

Beliau yang ditemui ketika memberi reaksi perlantikan berharap untuk memajukan bidang sains sosial di peringkat universiti dan antarabangsa terutama pengajian minoriti seperti komuniti belia dan membudayakan integriti rakyat Malaysia.

"Perlantikan seumpama ini memberi peluang kepada staf akademik UPM untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara," katanya yang merancang untuk meningkatkan jaringan bestari lebih luas antara UPM dengan IPPBM dan IIM.

Dr. Sarjit berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, telah berkhidmat di UPM sejak tahun 2000 dan pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia UNESCO di Bangkok.

Beliau kerap menulis artikel isu tempatan mengenai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan di majalah Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Peitia Bahasa dan Dewan Siswa, akhbar tempatan serta memberi pandangan di stesen televisyen RTM, TV3, TV9 dan radio Bernama.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia